


**TATACARA PENENTUAN KOD AKAUN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (HLP) /  
INVENTORI / BELANJA**

1. Tatacara ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan am kepada Pejabat Perakaunan dan PTJ dalam memperakaunkan perolehan aset alih dan menentukan kod akaun yang tepat mengikut kelas akaun Hartanah, Loji dan Peralatan, Inventori atau Belanja berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017 - Carta Akaun Asas Akruan .
2. Pegawai yang berperanan sebagai Semak AO di peringkat Pejabat Perakaunan perlu menentusahkan kod akaun yang bertepatan.
3. Penerimaan Aset (melalui modul Perolehan- Penerimaan Bekalan) akan didaftarkan secara auto ke dalam modul Perakaunan Aset.
4. Carta Alir ini tidak terpakai bagi penentuan aset di bawah kategori hartanah pelaburan, aset pajakan, aset konsesi, aset tak ketara, aset warisan, aset pertanian dan aset pertahanan.
5. Tatacara ini adalah panduan am dan sekiranya tatacara ini tidak menepati reka bentuk proses perkhidmatan sesuatu PTJ, Kementerian boleh menggunakan pertimbangan profesional dalam menentukan sendiri pengiktirafan aset/belanja dalam menghasilkan Penyata Kewangan Kementerian yang benar dan saksama.

# CARTA ALIR PENENTUAN KOD AKAUN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN, INVENTORI & BELANJA



**Nota :**

(1) Alat Ganti Utama atau Peralatan Siap Sedia (*Stand by Equipment*) layak dilaporkan sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila entiti menjangka untuk menggunakannya lebih daripada setahun. Contoh : *Standby* enjin untuk pesawat.



(2) Rujuk Katalog Klasifikasi Aset di pautan Pusat Rujukan Maklumat SPPA <http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/>






(3) PTJ Inventori adalah PTJ yang mempunyai baki akhir inventori bernilai RM1 juta atau lebih bagi tiga tahun kewangan sebelum secara berturutan. Pengiktirafan sebagai PTJ Inventori melayakkan PTJ untuk mengiktiraf dan merekodkan nilai inventori yang diperolehi di dalam iGFMAS serta dilaporkan dalam penyata kewangan kementerian. Senarai PTJ Inventori boleh dirujuk di <https://www2.anm.gov.my>

(4) Tidak Termasuk Peruntukan Amanah PFI

**Contoh 1:**




PTJ XYZ berfungsi menjalankan aktiviti pembangunan dan penyelidikan di dalam bidang pendidikan. PTJ tersebut telah memohon peruntukan bagi membeli **set makan kaca** dan **set makan melamin** untuk digunakan dalam mesyuarat.

CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
	<p>Digunakan</p>		<p>Beranggapan digunakan terus untuk mesyuarat.</p>
	<p>✓ <b>set makan kaca</b></p>	<p>✓ <b>set makan melamin</b></p>	<p>Sumber : <a href="http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/">http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/</a></p>  <p>Daripada katalog klasifikasi aset untuk set makan, “<i>selain daripada seramik dan kaca, direkod sebagai stok</i>”.</p> <p>Maka, <b>set makan melamin</b> diiktiraf sebagai Belanja - Bekalan Dan Bahan-bahan Lain. Gunapakai kod <b>B0227XXX</b>.</p>

CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
 <p>Item dikawal oleh Entiti ?</p>	✓		Dikawal oleh Entiti adalah aset yang digunakan untuk tujuan operasi Kementerian/Jabatan. Jika ia dibeli atau dibina untuk digunakan oleh selain daripada Kerajaan Persekutuan, maka ia perlu diiktiraf sebagai belanja.
 <p>Jangka Hayat Item &gt; 1 tahun?</p>	✓		Dijangka akan digunakan bagi jangkamasa yang melebihi daripada satu (1) tempoh pelaporan.
 <p>Item dibeli/dibina dikategori sebagai HLP?</p>	✓		Tidak terpakai bagi penentuan aset di bawah kategori hartanah pelaburan, aset pajakan, aset konsesi, aset tak ketara, aset warisan, aset pertanian dan aset pertahanan.
 <p>Dibeli Menggunakan Peruntukan Akaun Amanah Seksyen 9?</p>		✓	Perolehan item menggunakan peruntukan Akaun Amanah Seksyen 9 tidak dipermodalkan.
 <p>≥RM2,000 per item ?</p>		✓	<b>Set makan kaca</b> diiktiraf sebagai Belanja Gunapakai kod akaun Aset Tidak Dipermodalkan ( <b>B033XXXX</b> )




**Contoh 2:**


PTJ ABC berhasrat untuk membuat pembelian sejumlah monitor untuk kegunaan bilik mesyuarat, di mana monitor ini bukanlah digunakan sebagai sebahagian daripada peralatan komputer, tetapi dipasang di meja bilik mesyuarat, hanya untuk paparan sebarang pembentangan berbentuk visual kepada ahli-ahli mesyuarat.




CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
 <p>Item dibeli untuk disimpan atau digunakan?</p>	<p>Digunakan</p>		<p>Dipasang terus di meja bilik mesyuarat untuk kegunaan semasa mesyuarat.</p>
 <p>Item diklasifikasi sebagai Aset dalam Katalog Aset?</p>		<p>✓</p>	<p>Sumber : <a href="http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/">http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/</a></p>  <p>Monitor dikategorikan sebagai <b>STOK</b> dalam katalog klasifikasi aset dengan keterangan Peralatan/Perkakasan Monitor Skrin Rata yang digunakan untuk tujuan memaparkan audio dan visual secara rangkaian seperti di bilik mesyuarat. Diiktiraf sebagai Belanja <b>B0227XXX</b>, maka perlu mengikut PP AM 6.1 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan)</p>

**Contoh 3:**

Institut latihan DEF dilanda banjir menyebabkan tilam dan katil di tingkat bawah asrama institut tersebut rosak. Namun, sebahagian katil masih boleh digunakan. Institut tersebut berhasrat untuk membuat pembelian **25 tilam** (digunakan dengan katil yang masih elok) dan **12 set katil** beserta tilam (harga satu set katil RM600).

CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
 <p>Item dibeli untuk disimpan atau digunakan?</p>	<p>Digunakan <b>12 set katil</b> <b>25 tilam</b></p>		<p>Beranggapan digunakan terus untuk menggantikan tilam dan katil yang rosak.</p>
 <p>Item diklasifikasi sebagai Aset dalam Katalog Aset? <b>(1)</b></p>	<p>✓ <b>12 set katil</b></p>	<p>✓ <b>25 tilam</b></p>	<p>Sumber : <a href="http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/">http://knowledgebase.treasury.gov.my/knowledgebase/</a></p>  <p>Daripada katalog klasifikasi aset untuk tilam, "<i>ianya didaftarkan sebagai inventori (stok) sekiranya perolehan dibuat hanya <b>tilam</b> sahaja</i>". Maka, <b>25 tilam</b> diiktiraf sebagai Belanja - Bekalan Dan Bahan-bahan Lain. Gunapakai kod <b>B0227XXX</b>.</p>

CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
			 <p><b>Set Katil</b> dikategorikan sebagai aset dalam katalog klasifikasi aset Maka, <b>12 Set Katil</b> adalah harta modal dan diperoleh menggunakan OS30000.</p>
<p>Item dikawal oleh Entiti ?</p>	<p>✓ <b>12 set katil</b></p>		<p>Dikawal oleh Entiti adalah aset yang digunakan untuk tujuan operasi Kementerian/Jabatan. Jika ia dibeli atau dibina untuk digunakan oleh selain daripada Kerajaan Persekutuan, maka ia perlu diiktiraf sebagai belanja.</p>
<p>Jangka Hayat Item &gt; 1 tahun?</p>	<p>✓ <b>12 set katil</b></p>		<p>Dijangka akan digunakan bagi jangkamasa yang melebihi daripada satu (1) tempoh pelaporan.</p>

CARTA ALIR	YA	TIDAK	KETERANGAN
 <p>Item dibeli/dibina dikategori sebagai HLP?</p>	<p>✓ 12 set katil</p>		<p>Tidak terpakai bagi penentuan aset di bawah kategori hartanah pelaburan, aset pajakan, aset konsesi, aset tak ketara, aset warisan, aset pertanian dan aset pertahanan.</p>
 <p>Dibeli Menggunakan Peruntukan Akaun Amanah Seksyen 9? (2)</p>	<p>✓ 12 set katil</p>		<p>Perolehan item menggunakan peruntukan Akaun Amanah Seksyen 9 tidak dipermodalkan.</p>
 <p>≥RM2,000 per item ?</p>		<p>✓ 12 set katil</p>	<p>Set Katil diiktiraf sebagai Belanja. Gunapakai kod akaun Aset Tidak Dipermodalkan (B033XXXX)</p>